JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI
BIL. 12/2025

GARIS PANDUAN PENETAPAN SEORANG BANKRAP BERPROFIL TINGGI

Diedarkan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

AKPI 12/2025: GARIS PANDUAN PENETAPAN SEORANG BANKRAP BERPROFIL TINGGI

TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan bagi menyelaraskan penetapan takrifan seorang bankrap dalam kategori berprofil tinggi bagi kes-kes kebankrapan yang ditadbir oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI). Bagi memastikan pentadbiran kebankrapan dikendalikan dengan pantas dan cekap, beberapa kategori bankrap perlu diberi perhatian khusus. Perhatian khusus ini dibuat dengan mengambil kira terdapat kebarangkalian bahawa bankrap-bankrap ini tidak mengisytiharkan sepenuhnya hutang termasuk menyembunyikan harta dan pendapatan-pendapatannya.

DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. "Kes-kes berprofil tinggi" ertinya kes-kes yang mendapat liputan media massa, media cetak dan elektronik serta mendapat perhatian umum.

LATAR BELAKANG

3. Berdasarkan kepada pentadbiran kes kebankrapan secara menyeluruh terdapat individu yang diisytiharkan bankrap dan terdiri daripada golongan yang mempunyai status berprofil tinggi.

4. Oleh sebab itu, Arahan ini dikuatkuasakan agar bankrap yang diberi perhatian khusus dikategorikan sebagai bankrap berprofil tinggi bagi memudahkan tindakan pemantauan ke atas mereka sehinggalah mereka dilepaskan daripada kebankrapan.

PELAKSANAAN

(A) SENARAI BANKRAP BERPROFIL TINGGI

5. Bankrap berprofil tinggi adalah seperti berikut:

(a) Kes-kes yang melibatkan **orang-orang kenamaan (VIP)** seperti berikut:

(i) Bankrap dalam kalangan Institusi Diraja dan Kerabat Diraja terdekat;
(ii) Bankrap dalam kalangan Menteri Kabinet, Ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli Parlimen (Dewan Rakyat/Dewan Negara), Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Diraja atau Majlis Pangkuan Negeri (atau apa-apa nama majlis sedemikian digelar) dan pemimpin politik yang lain yang memegang jawatan tinggi di dalam Kerajaan atau parti politik;
(iii) Bankrap dalam kalangan penjawat awam iaitu Pegawai/Pegawai Kanan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Ketua Jabatan Persekutuan / Negeri, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun; atau
(iv) Bankrap dalam kalangan pemimpin badan korporat dan professional.

(b) Bankrap yang berhutang dengan kerajaan (Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan lain-lain);

(c) Bankrap yang diisytihar bankrap atas alasan pinjaman perniagaan;

(d) Bankrap dengan hutang melebihi RM 5 Juta;

(e) Bankrap yang membankrapkan diri sendiri;

(f) Bankrap yang didapati hidup dalam keadaan mewah;

(g) Bankrap dalam kalangan pegawai dan kakitangan yang bertugas di MdI; dan

(h) Bankrap yang mendapat perhatian umum seperti artis, selebriti, ahli sukan, pempengaruh *(influencer)* di media massa.

(B) TATACARA PENGENDALIAN DAN PENYIASATAN KES BERPROFIL TINGGI

6. Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) atau Ketua Cawangan (KC) dipertanggungjawabkan untuk menyelia pengendalian dan penyiasatan kes-kes bankrap berprofil tinggi yang dikenalpasti.

7. Semua kes bankrap berprofil tinggi yang disiasat hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan (BPP), melalui tatacara pemakluman seperti berikut:

(a) Pemakluman hendaklah dibuat dalam tempoh 3 hari dari tarikh fail siasatan pentadbiran dibuka;
(b) Pemakluman hendaklah dibuat oleh PIN/KC melalui e-mel kepada Pengarah Insolvensi BPP setelah fail siasatan pentadbiran dibuka oleh Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan (UPP);
(c) E-mel hendaklah disalinkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi dan Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan, Ibu Pejabat. Format e-mel pemakluman seperti di **Lampiran A.**

KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN

8. Kegagalan pegawai untuk mematuhi Arahan Ketua Pengarah Insolvensi ini adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya arahan ini maka Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 8 Tahun 2016 – Penetapan Penggunaan Istilah Dan Kriteria Dalam Mengkategorikan Seorang Bankrap Berprofil Tinggi **DIBATALKAN**.

TARIKH KUAT KUASA

10. Arahan ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh ia dikeluarkan.

(DATO' ISHAK BIN BAKRI)

KETUA PENGARAH INSOLVENSI

Tarikh: 15 DEC 2025

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Format E-mel Pemakluman

LAMPIRAN A

Perkara : Pemakluman Siasatan Kes Bankrap Berprofil Tinggi

Tuan/Puan,

Saya dengan hormatnya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan (UPP) MdI Cawangan____ (isikan cawangan terlibat) telah membuka fail siasatan pentadbiran bagi bankrap berprofil tinggi pada ____ (isikan tarikh fail dibuka). Maklumat bankrap berprofil tinggi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Nama bankrap :

(b) No. Kad Pengenalan :

(c) Umur :

(d) Pekerjaan :

(e) Kategori / Kriteria : (isikan kategori bankrap berprofil tinggi contoh: (*pempengaruh TikTok*)

(f) No. Rujukan Fail :

(g) Nama Pegawai Insolvensi (UPP) yang mengendalikan fail :

(h) No. Kes Kebankrapan :

(i) Tarikh Kebankrapan :

(j) Tarikh Perintah Kebankrapan diserahkan kepada bankrap :

(k) Sebab kebankrapan :

(l) Klasifikasi Kesalahan Yang Dilakukan (jika berkaitan) :

(m) Pengadu (jika berkaitan) :

(n) Tarikh Pernyataan Hal Ehwal (PHE) difailkan :

3. Dikemukakan maklumat kes bankrap berprofil tinggi untuk makluman dan perhatian tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

_____

( )
Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua Cawangan
MdI Cawangan_____